

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN

BILANGAN 4 TAHUN 2017

**PEMBANGUNAN PROJEK-PROJEK PERSEKUTUAN
DI NEGERI KELANTAN**


Pekeliling ini dikeluarkan bagi memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Jajahan bahawa Pihak Berkuasa Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali Ke-1/2017 yang telah bersidang pada 4hb. Januari 2017 dalam menimbang Kertas Bilangan 01/2017/D17(76) telah membuat keputusan bahawa mana-mana projek Persekutuan atau projek yang ingin dilaksanakan oleh agensi persekutuan hendaklah dirunding dengan Pihak Berkuasa Negeri melalui Jawatankuasa Perancang Negeri terlebih dahulu sebelum ianya boleh dilaksanakan di Negeri Kelantan.

2. Keputusan Pihak Berkuasa Negeri tersebut adalah selaras dengan peruntukan Seksyen 20(A), Akta Perancang Bandar dan Desa 1975 (Akta 172) dan mengikut semangat yang terkandung di dalam Artikel 83 Perlembagaan Persekutuan.

3. Oleh itu, semua Pentadbir-pentadbir Tanah Jajahan hendaklah mengambil maklum dan memastikan supaya keputusan Pihak Berkuasa Negeri tersebut dapat dilaksanakan.

4. Semua Pentadbir Tanah Jajahan hendaklah mengambil maklum dan mengambil tindakan sewajarnya bagi melaksanakan keputusan Pihak Berkuasa Negeri tersebut.

5. Pekeliling ini hendaklah berkuatkuasa serta-merta.



DATO' HAJI NAZRAN BIN MUHAMMAD, D.P.S.K. (Kelantan)

PENGARAH TANAH DAN GALIAN

KELANTAN